


MAKLUMAT PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

**Penyakit
Tekanan Darah Tinggi**

Penghalang Beta



Medicine To Treat: Hypertension

Beta Blockers

APAKAH KEGUNAAN PENGHALANG BETA?

Penghalang beta digunakan untuk mengawal tekanan darah tinggi dan merawat beberapa keadaan jantung seperti degupan jantung yang tidak menentu dan serangan jantung. Ia juga digunakan untuk mengawal penyakit migrain dan masalah gangguan tiroid. Ia memperlahangkan degupan jantung dan mengurangkan keperluan oksigen pada jantung.

APAKAH KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN PENGHALANG BETA?

Pesakit yang mengambil penghalang beta mungkin mengalami kelesuan, pitam, kebas dan rasa menggelenyar di jari tangan dan kaki. Sesetengah kaum lelaki mungkin mengalami kekurangan rangsangan seks.

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?

Sekiranya anda mempunyai sejarah penyakit semput, anda harus memberitahu doktor anda kerana ubat ini mungkin akan menyebabkan serangan semput. Sekiranya anda hamil atau merancang ingin hamil, anda harus mendapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan ubat ini.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH JENIS PENGHALANG BETA YANG BIASA DIGUNAKAN?

- Atenolol
- Propranolol
- Metopropol
- Carvedilol

APAKAH HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA ?

- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi